



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

SESI LIBAT URUS CADANGAN PENUBUHAN SURUHANJAYA KEHARMONIAN NASIONAL (SKN)

Kementerian Perpaduan Negara mengambil maklum pelbagai pandangan, kebimbangan dan reaksi berhubung pelaksanaan Sesi Libat Urus Cadangan Penubuhan Suruhanjaya Keharmonian Nasional (SKN) yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Untuk makluman, JPNIN telah diberi mandat untuk melaksanakan sesi libat urus secara menyeluruh bersama rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, pakar bidang, pemimpin masyarakat dan pemegang taruh bagi mendapatkan pandangan awal berkaitan cadangan penubuhan SKN.

Kementerian ingin menegaskan bahawa **sesi libat urus ini bukan platform membuat keputusan muktamad**, sebaliknya merupakan ruang rasmi untuk mendapatkan pandangan, cadangan, kebimbangan serta maklum balas secara berhemah dan tersusun sebelum sebarang pertimbangan lanjut dikemukakan kepada Kerajaan. Semua pandangan yang diterima akan direkod, diteliti dan diperhalusi secara objektif serta profesional.

1. Penyertaan NGO Pelbagai Latar Belakang

Bagi Sesi Libat Urus NGO 1.0, sebanyak 78 pertubuhan telah dijemput merangkumi pelbagai latar belakang dan bidang kepakaran (perundangan, hak asasi manusia, advokasi dan kebajikan), antaranya Multiracial Reverted Muslims (MRM), PEMBINA, ISMA, ABIM, PEKIDA Malaysia, IKRAM, UNIFOR Sarawak, Harmonico Penang, Bar Council, ACCIN, PEMBELA, Christian Federation of Malaysia, Malaysia Hindu Sangam dan Persatuan Buddhist Malaysia (MBA).

2. Sesi Libat Urus Dilaksanakan Secara Bersiri

Pelaksanaan sesi libat urus akan dijalankan secara bersiri dan berfasa melibatkan pelbagai kumpulan pemegang taruh, termasuk:

- I. Sesi Libat Urus bersama NGO 1.0 dan NGO 2.0
- II. Sesi Libat Urus bersama Agensi Kerajaan
- III. Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Islam oleh JAKIM
- IV. Sesi Libat Urus bersama Ahli Parlimen dan parti politik
- V. Sesi Libat Urus bersama Kerajaan Negeri

Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap pandangan dan perspektif dapat dinilai secara menyeluruh sebelum sebarang keputusan dasar dibuat.

3. Kedudukan Perlembagaan Persekutuan Kekal Terpelihara

Kementerian memberi jaminan tegas bahawa sebarang cadangan berkaitan SKN tidak sama sekali akan menyentuh, mempertikai atau mengubah perkara-perkara asas yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, antaranya:

- I. Perkara 3 — Kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan
- II. Perkara 121 — Kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Syariah
- III. Perkara 32, Perkara 38 serta kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu
- IV. Perkara 153 — Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak
- V. Perkara 152 — Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

Perkara-perkara ini merupakan asas utama pembentukan negara dan kekal dipelihara selaras dengan semangat Perlembagaan Persekutuan serta kontrak sosial negara.

4. Proses Penggubalan Undang-Undang Adalah Panjang dan Ketat

Kementerian ingin menjelaskan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang (RUU) tidak dipersetujui hanya melalui sesi libat urus. Cadangan penggubalan perlu melalui pelbagai proses yang panjang dan ketat, antaranya:

- I. Sesi libat urus awam
- II. Penilaian Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) Kementerian
- III. Penilaian oleh Menteri Perpaduan Negara

- IV. Kelulusan Majlis Penasihat Perpaduan Negara
- V. Edaran ulasan kepada agensi kerajaan
- VI. Penyediaan Kertas Dasar dan Memorandum Jemaah Menteri
- VII. Proses penelitian dan penambahbaikan
- VIII. Regulatory Impact Analysis (RIA)
- IX. Semakan Jabatan Peguam Negara
- X. Edaran ulasan agensi kerajaan kali kedua
- XI. Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri
- XII. Kelulusan Jemaah Menteri
- XIII. Pembentangan di Dewan Rakyat

Justeru, sesi libat urus bukan platform muktamad bagi menentukan sesuatu undang-undang diluluskan. Ia hanyalah proses awal untuk mendapatkan reaksi awam dan pandangan pelbagai pihak. Sekiranya dapatan sesi libat urus tidak menunjukkan keperluan atau kesesuaian, proses cadangan penggubalan juga boleh dihentikan. Asas ini perlu difahami secara jelas dan matang oleh semua pihak.

5. Fokus Cadangan Penubuhan SKN

Cadangan penubuhan SKN memberi penekanan kepada pendekatan pencegahan, pendamaian dan penyelesaian secara harmoni. Pendekatan ini bukan semata-mata bersifat menghukum, tetapi memberi fokus kepada:

- I. Pencegahan awal konflik
- II. Mediasi dan pendamaian
- III. Penyelesaian pertikaian secara konstruktif
- IV. Pengukuhan keharmonian masyarakat

SKN juga dicadangkan mempunyai fungsi untuk menjalankan siasatan terhadap isu yang menjejaskan keharmonian nasional, mengemukakan syor tindakan dan langkah pencegahan kepada kerajaan serta agensi berkaitan, mengendalikan proses mediasi secara rasmi dan menerbitkan laporan awam tertakluk kepada kepentingan keselamatan negara.

Selain itu, **dakwaan yang dihebahkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab bahawa suruhanjaya ini berkaitan isu rumah ibadat tidak berdaftar serta Interfaith Commission (IFC) adalah tidak benar, bersifat manipulatif dan mengelirukan masyarakat.**

Kementerian percaya pendekatan libat urus secara terbuka dan inklusif merupakan kaedah terbaik bagi memastikan setiap pandangan, cadangan dan kebimbangan semua pihak dapat diteliti secara objektif, berhemah dan bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, Kementerian memberi jaminan akan sentiasa menjunjung keluhuran Perlembagaan Persekutuan sebagai asas utama negara, termasuk kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan, Institusi Raja-Raja Melayu, hak Melayu dan Bumiputera, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan

Kementerian Perpaduan Negara

11 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 (44)